

KLANA RESORT

Raja sehari di Klana Resort

Pakej perkahwinan untuk pasangan mempelai abadikan kenangan manis

■ SARINAH MAT KASIM

Jika anda ingin melangsungkan perkahwinan yang eksklusif, elegan, berkonsepkan mewah tetapi murah, tidak perlu pening kepala untuk mencari.

Hanya perlu berkunjung ke Klana Resort Seremban, kerana di sini pelbagai pakej perkahwinan disediakan mengikut cita rasa dan bajet anda.

Bukan sahaja dewan makan, tetapi Klana Resort Seremban juga menyediakan bilik khas untuk pengantin yang ingin terus berbulan madu.

Menurut Pengurus Klana Resort Seremban, Mohd Yazid Mustafa, pihaknya menyediakan pakej perkahwinan bermula RM75 bagi setiap orang dan RM750 bagi satu meja yang boleh memuatkan 10 orang.

"Tawaran yang kami sediakan ini termasuk enam jenis menu makanan, red carpet, meja makan pengantin, bunga segar dan kek dummy setingga lima tingkat untuk perhiasan di meja makan pengantin."



Pasangan Mohamad Muhyi M.Zaki, 30, dan Liyana Mohamad, 26, berpuas hati dengan pakej perkahwinan Klana Resort Seremban.

termasuk perkahwinan Melayu, Cina, India dan lain-lain.

Manakala, bagi menu makanan pula, katanya, pelanggan boleh

memilih mengikut selera dan cita rasa mereka.

"Kita yakin perkhidmatan, tawaran dari kemudahan yang



Garden Wing bilik untuk keluarga.



Dewan makan untuk pakej perkahwinan.

disediakan di sini mampu memberi kepuasan kepada semua.

"Malah, kita juga mempunyai kakitangan termasuk pelayan tetamu yang mencukupi bagi membantu melancarkan majlis perkahwinan tersebut."

"Tuan rumah tidak perlu bersusah payah dan pening kepala nak uruskan kerana semuanya akan dikendalikan oleh kita," katanya.

Bilik dijamin selesa

Selain menyediakan pakej perkahwinan, di Klana Resort Seremban juga menyediakan pelbagai jenis bilik seperti Superior, Deluxe dan Garden Wing.

Kesemua harga bilik ini, bermula dari RM240 sehingga RM270 termasuk sarapan pagi untuk dua orang.

"Keadaan bilik yang selesa, luas dan bersih dijamin dapat memberi keselesaan kepada semua pengunjung Klana Resort Seremban."

"Saya yakin, kepada mereka yang berkunjung buat pertama kali, pasti akan berkunjung lagi pada masa akan datang," katanya.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut, boleh menghubungi talian 017-3663832 atau e-mel sebarang pertanyaan di sabrina@klanaresort.com.my atau layari www.klanaresort.com.my.